

## **TUGAS GURU PRASEKOLAH. SATU TINJAUAN KE ATAS PELAJAR KPLI PRASEKOLAH SEMASA MENJALANI PRAKTIKUM**

Siti Saleha Samsuri  
Surayah Zaidon  
Jabatan Ilmu Pendidikan

### **Abstrak**

*Keberkesanan pendidikan prasekolah bergantung kepada pelaksanaan guru yang benar-benar faham, menghayati dan mampu melaksanakan tugas mereka seperti yang dihasratkan. Kajian ini bertujuan meninjau pelaksanaan tugas guru prasekolah dalam kalangan pelajar KPLI Prasekolah dan aspek yang menjadi tumpuan mereka semasa menjalani praktikum. Kajian ini dijalankan ke atas pelajar KPLI Prasekolah setelah mereka menamatkan praktikum selama 12 minggu. Soal selidik digunakan dalam mengumpul data kajian. Kajian ini mendapati bahawa responden lebih tertumpu kepada tugas dalam proses pengajaran di kelas sahaja.*

### **Abstract**

*The effectiveness of preschool education relies upon preschool teachers' understanding of their duties. This research aims to investigate preschool teachers' duties carried out and aspects that have been given attention among the KPLI Preschool majors while undergoing practicum. A set of questionnaire is used to gather data from the respondents upon their completion of a 12 week practicum. The findings show that the respondents mainly observed their duties in the teaching and learning process in the classroom.*

### **Pengenalan**

Matlamat utama pendidikan prasekolah adalah untuk membina sahsiah dan sosial kanak-kanak. Peranan guru prasekolah selain pengganti ibu bapa, model dan pengajar, juga adalah sebagai pengurus yang berkebolehan untuk mengendalikan kanak-kanak, kelas dan tugas-tugas lain yang berkaitan pentadbiran prasekolah.

### **Latar Belakang Kajian**

Kecemerlangan pendidikan prasekolah banyak bergantung kepada faktor guru. Guru-guru prasekolah hendaklah diberi latihan yang secukupnya sebelum mereka dipertanggungjawabkan untuk mengasuh dan membimbing murid. Guru prasekolah perlu menguasai ilmu dan kemahiran dalam aspek-aspek perkembangan kanak-kanak dan pendekatan pengajaran sejajar dengan kehendak matlamat pendidikan prasekolah yang menekankan kepada perkembangan yang menyeluruh, menyediakan kemahiran asas dan memupuk sikap positif murid.

Sehubungan dengan perluasan program Prasekolah Kementerian pelajaran Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah memulakan program opsyen major Prasekolah bagi Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI). Pelajar-pelajar ini akan ditempatkan sebagai guru prasekolah di prasekolah-prasekolah KPM. Pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ini terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan di tahap ijazah pertama. Oleh itu, pengajian di peringkat KPLI adalah penting. KPLI

menyediakan pengetahuan dan kemahiran asas berkenaan perancangan, pengurusan dan pelaksanaan prasekolah. Pelajar diwajibkan menghadiri interaksi pada semester pertama dan kemudiannya dikehendaki menjalani latihan praktikum selama 12 minggu di prasekolah. Kemudiannya pelajar akan menghadiri interaksi selama sebulan bagi melengkapkan sukatan yang ditetapkan. Latihan praktikum merupakan medan di mana pelajar dapat mengaplikasikan kefahaman tentang pelajaran yang telah diperolehi dan memperoleh pengalaman sebenar sebelum mereka mula bertugas. Ini sejajar dengan dapatan kajian Norizah Taib, et al. (2007), program praktikum dapat menyepadukan dan mengaplikasikan teori dan amali pengajaran dan pembelajaran. tempoh masa praktikum juga sesuai untuk memantapkan dan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran, kemahiran membuat refleksi serta sikap dan sahsiah pelajar.

Di dalam program KPLI, pelajar opsyen prasekolah didedahkan kepada kertas bertajuk 'Perancangan, Penubuhan dan Pengurusan Program Prasekolah' selama 30 jam. Pelajar didedahkan kepada topik-topik untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran merancang, menubuh, dan mengurus pusat prasekolah. Kursus ini juga adalah untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran pengurusan tingkah laku kanak-kanak di samping menghayati pengurusan pengajaran dan pembelajaran. Peranan dan tanggungjawab guru prasekolah juga dijelaskan dalam subjek Profesionalisme Pendidik Prasekolah dan Etika Pendidik Awal Kanak-kanak.

### **Pernyataan Masalah**

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran prasekolah bergantung kepada pelaksanaan yang melibatkan warga kerja prasekolah yang benar-benar faham, menghayati dan mampu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran seperti yang dihasratkan (Rafei Haji Mahat, 2001)

Dapatan Kajian Gaya Tadika Malaysia Masa kini oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran (KPM,1984) merumuskan bahawa guru hendaklah bermesra dengan kanak-kanak, pandai mengambil hati mereka, menggunakan suara yang meyakinkan, menunjukkan air muka yang menerima, menggunakan cara dan teknik pengajaran yang mudah ubah, memahami dan menjaga hati kecil kanak-kanak, berusaha untuk membina keyakinan dan konsep sendiri yang positif, memberi ganjaran yang sesuai dengan keadaan, sentiasa mengutamakan kepentingan mata pelajaran atau aktiviti, merancang dan menyediakan dengan teliti dan sistematik proses bilik darjah, sentiasa peka dan mampu melayani kehendak tiap-tiap kanak-kanak yang di bawah jagaannya. Kajian ini sejajar dengan kajian Putri Zabariah et al. (2006) yang menyatakan profesionalisme guru sebenarnya terletak pada ciri-ciri keperibadian yang baik, pengetahuan yang jelas berkenaan peranannya dan kemahiran yang sentiasa dipertingkatkan.

Muhamad bin Abu Daud (1993) mendapati seorang guru yang berpengalaman tentang selok-belok kurikulum dan pengurusan tabika dapat lebih cemerlang dan berdaya maju. Namun kajian beliau mendapati guru-guru yang baru dilantik didapati menghadapi pelbagai masalah dan halangan serta dilema ketidakpastian hala tuju untuk mendidik dan memperkembangkan potensi kanak-kanak terutamanya dari segi latihan dan kemahiran guru.

Kajian Lihanna (2005) mendapati amalan pedagogi guru prasekolah berada pada tahap membimbangkan. Beliau mendapati konsep Amalan Bersesuaian Perkembangan (ABP) walaupun sudah termaktub dengan jelasnya dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, masih belum dihayati dan diamalkan dengan baik oleh guru. Beliau merumuskan bahawa salah konsepsi dan prakonsepsi guru menghalang keberkesanan amalan pendekatan pedagogi yang sesuai untuk peringkat awal kanak-kanak.

Guru pelatih didapati berhadapan beberapa masalah berhubung pengetahuan tentang peranan dan tugas sebenar mereka. Mereka kurang menekankan pedagogi, kurang latihan amali dan kurang demonstrasi dari segi memahami perkembangan kanak-kanak. Kecetekan ilmu dari segi aspek praktikal boleh mengganggu perancangan dan pengurusan prasekolah dan proses pembelajaran kanak-kanak. (Rohaty, 2003)

Oleh itu adalah perlu untuk mengkaji berkaitan pemahaman pelajar tentang peranan dan tugas harian mereka di prasekolah seperti yang diajar di dalam kelas kuliah dan seterusnya merealisasikannya semasa menjalani praktikum. Ini adalah kerana ketidakfahaman tentang perkara ini akan menyebabkan berlakunya kepincangan semasa mereka menjalankan tugas di prasekolah kelak.

### **Objektif kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk meninjau pelaksanaan tugas seharian di prasekolah yang meliputi aspek semasa rutin pagi, semasa aktiviti pengajaran, aspek hubungan dengan murid, dan aspek kebersihan dan keselamatan murid oleh pelajar KPLI.

### **Persoalan Kajian**

Persoalan-persoalan yang ingin dijawab oleh kajian ini adalah seperti berikut :

1. Apakah tahap pelajar KPLI Prasekolah melaksanakan rutin pagi di dalam kelas ?
2. Adakah pelajar KPLI Prasekolah melaksanakan tugas mereka semasa aktiviti pengajaran?
3. Adakah pelajar KPLI Prasekolah membina hubungan yang positif dengan murid dengan baik?
4. Adakah pelajar KPLI Prasekolah menjalankan tugas mereka menjaga kebersihan dan keselamatan murid?
5. Apakah tugas yang diutamakan oleh pelajar KPLI Prasekolah di kelas prasekolah dalam aspek rutin pagi, aktiviti pengajaran, hubungan dengan murid dan aspek keselamatan dan kebersihan ?

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk tinjauan. Instrumen kajian merupakan satu set soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A mengenai maklumat demografi responden dan Bahagian B mengenai tugas mereka di kelas prasekolah semasa menjalani praktikum. Item-item soal selidik untuk Bahagian B dibina berdasarkan empat konstruk iaitu pelaksanaan tugas guru prasekolah dalam aspek rutin pagi, aspek pengajaran di kelas

prasekolah, aspek hubungan dengan murid dan aspek kebersihan dan keselamatan. Skala likert tiga poin digunakan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

### **Responden Kajian**

Responden kajian terdiri daripada Kesemua pelajar KPLI (SR) Pendidikan Prasekolah Ambilan Januari 2006 seramai 21 orang. Kesemua responden adalah pelajar perempuan. Seramai 12 orang (57.1%) berpengalaman mengajar manakala 9 orang (42.9%) lagi tidak mempunyai pengalaman mengajar. Pelajar tersebut telah menjalani latihan praktikum di prasekolah selama 12 minggu. Sebelum menjalani praktikum pelajar telah menjalani interaksi di IPGM- KPI selama satu semester (15 minggu).

### **Batasan Kajian**

Kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar KPLI (SR) Pendidikan Prasekolah Ambilan Januari 2006 di Institut Perguruan Islam Selangor. Dengan itu dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan ke atas keseluruhan pelajar KPLI pendidikan Prasekolah di semua IPGM atau guru-guru prasekolah yang sedang mengajar di sekolah.

### **Perbincangan Dapatan Kajian**


Perbincangan dapatan kajian dijalankan mengikut persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam kajian ini.

#### **1. Tugas semasa rutin pagi**

Graf 1 atas menunjukkan semasa rutin pagi, tugas paling utama yang dijalankan oleh responden ialah menjaga penampilan diri yang baik. Kesemua responden berbuat demikian. Tugas kedua penting yang dilakukan ialah memeriksa kebersihan kelas luar dan dalam iaitu sebanyak 95.2% responden kerap melakukannya. Ini diikuti rutin berbual dengan murid sebelum masuk ke kelas iaitu sebanyak 85.7%. Dapatan kajian menunjukkan responden menjaga penampilan diri dengan baik yang boleh dicontohi oleh murid mereka. Kebersihan luar dan dalam kelas juga diutamakan memandangkan ini juga merupakan nilai yang mesti diterapkan kepada murid. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa responden sentiasa berbual secara tidak formal luar waktu P&P bagi mengeratkan hubungan dengan murid serta mengujudkan kepercayaan bersama. Dapatan ini mengukuhkan dapatan Bahagian A yang mana 95.2% responden menyatakan bahawa mereka memilih bidang prasekolah disebabkan minat dan perwatakan yang sesuai. Ini menunjukkan responden sedia maklum bahawa mereka perlu dan suka melayani karenah murid prasekolah. Ini selaras dengan karakter guru prasekolah yang disarankan oleh Phye- Perkins (dalam Catron & Allen, 1999), Shahizan Hasan dan Ahmad Shahabudin Che Noh (2005) dan laporan kajian KPM (1984).

Responden mengetahui bahawa mereka perlu mementingkan keselamatan murid di mana mereka sentiasa memeriksa keselamatan di dalam dan luar kelas (81%). Oleh itu mereka sentiasa menyambut ketibaan murid setiap pagi di pintu masuk kelas untuk memastikan mereka selamat dari segi emosi dan juga fizikal seterusnya diterima masuk dengan mesra iaitu sebanyak 76.2%. Seterusnya jumlah peratus yang sama sebanyak 71.4% kerap kali memastikan murid menyimpan kasut dengan baik di rak

dan membimbing murid membaca doa. Dapatan kajian ini menyamai seperti yang dinyatakan oleh Rohaty (2003) dan Putri Zabariah, et al. (2006).



(n = 21orang)

Graf 1. Keutamaan Tugas Semasa Rutin Pagi

Jadual 1. Petunjuk Tugas Semasa Rutin Pagi

Item	Konstruk
a.	Menjaga penampilan diri
b.	Memastikan luar dan dalam kelas bersih
c.	Berbual dengan murid
d.	Memastikan dalam dan luar kelas selamat
e.	Menyambut ketibaan murid
f.	Memastikan murid menyusun kasut
g.	Membimbing murid membaca doa
h.	Melayan murid semasa minum pagi
i.	Tiba setengah jam awal
j.	Memastikan murid menyimpan beg
k.	Berbual dengan ibubapa

Namun begitu lebih daripada separuh responden tidak datang ke prasekolah setengah jam lebih awal dari masa pengajaran dan pembelajaran iaitu sebanyak 33.3%. Ini disebabkan mereka sudah pun bersedia dengan bahan P&P dan merasakan bahawa mereka tidak perlu memikirkan hal-hal lain seperti kesediaan menyambut ketibaan murid yang datang terlalu awal, menyelia rekod, memantau persekitaran yang bersih dan selamat dengan lebih teliti dan sebagainya kerana guru prasekolah di sekolah

tempat mereka menjalankan praktikum akan memantau semua pengurusan di prasekolah. Dapatan ini menunjukkan responden tidak merebut sepenuhnya peluang untuk menimba pengalaman tentang aspek pengurusan kelas prasekolah yang sepatutnya diperoleh dari guru bimbingan dan pemerhatian mereka sendiri.

Tiga orang responden tidak pernah melayan murid semasa minum pagi dan hanya 11 orang (52.4%) yang sentiasa melayan murid minum pagi. Ini menunjukkan bahawa ada antara mereka menyerahkan tugas melayan murid minum pagi kepada tugas pembantu yang sepatutnya apabila murid berada dalam kawasan prasekolah, menjadi tugas guru supaya sentiasa bersama mereka. Rasionalnya guru perlu sentiasa menjaga keselamatan murid dan permasalahan yang timbul sekiranya murid bergaduh dan cedera. Ini disokong oleh Nor Hashimah Hashim dan Yahya Che lah (2003) yang menyatakan disiplin adalah bimbingan. Pembelajaran dan proses latihan yang memerlukan banyak masa dan kesabaran Pendidik prasekolah perlu tahu dan sensitif pada perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan di dalam kelas. Oleh itu guru hendaklah sentiasa bersama murid.


Seramai tiga orang responden (11%) paling tidak mengutamakan perkara berbual dengan ibu bapa semasa menyambut ketibaan dan kepulangan murid setiap hari. Ini menunjukkan responden tidak mengutamakan hubungan baik dengan ibu bapa. Membina hubungan yang erat dengan ibu bapa adalah tugas seorang guru prasekolah. Dengan cara ini, ia dapat meningkatkan sendiri positif murid dan menggalakkan keyakinan murid terhadap keupayaan guru prasekolah menjaga keselamatan mereka sewaktu di prasekolah. Hal ini disebabkan responden tidak mengetahui kepentingan membina hubungan dengan ibu bapa atau mereka kurang tahu cara berkomunikasi berkesan dengan ibu bapa. Kepentingan menjaga hubungan yang baik dengan ibu bapa telah dinyatakan oleh Putri Zabariah, Bustam Kamri et.al (2006) iaitu guru perlu menjalinkan hubungan yang baik dan mesra dengan ibu bapa dan juga selaras dengan hasil dapatan kajian Siti Saleha (2004). Guru dan ibu bapa perlu bekerjasama bagi membincangkan masalah dan keperluan yang berkaitan dengan perkembangan dan pertumbuhan anak mereka . Dengan itu adalah penting guru mengambil peluang untuk berbual dengan ibu bapa sambil menyambut kedatangan murid.

Mereka juga tidak mementingkan tugas memastikan murid menyimpan beg di rak dengan baik iaitu hanya seramai empat orang sahaja (19%) yang sentiasa melakukannya. Ini disebabkan murid sentiasa meletakkan beg dengan kemas dan tersusun kerana mereka telah pun berada di semester kedua persekolahan dan hal ini telah menjadi rutin setiap hari.

Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan responden merealisasikan apa yang telah mereka pelajari semasa kuliah iaitu tentang tugas rutin harian mereka di prasekolah dengan baik. Ini disebabkan majoriti 12 orang (57.1%) daripada mereka telah berpengalaman menjadi guru dan tahu peranan guru sebenarnya terutama dalam menjaga etika dan tatasusila mereka. Namun begitu tanpa mereka sedari ada beberapa perkara yang sangat penting perlu dilakukan di prasekolah tidak mereka lakukan.

## 2. Tugas semasa sesi pengajaran

Graf 2 menunjukkan bahawa 100% responden sentiasa bersedia dengan rancangan pengajaran harian, boleh membimbing aktiviti kumpulan dengan baik dan boleh melibatkan semua murid dalam pengajaran dan pembelajaran.



n= 21 orang

Graf 2. Tugas semasa sesi pengajaran

Jadual 2. Petunjuk bagi Tugas Semasa Sesi Pengajaran

Item	Konstruk
a.	Bersedia dengan RPH
b.	Membimbing aktiviti kumpulan murid
c.	Melibatkan semua murid
d.	Bersedia dengan slot mengajar yang lengkap
e.	BBB memudahkan pemahaman murid
f.	Menggunakan BBM sendiri
g.	Set refleksi menggambarkan pencapaian objektif
h.	Mengaitkan dengan pelajaran lepas
i.	Masa setiap slot mencukupi
j.	Set induksi menarik perhatian murid
k.	Bersedia dengan aktiviti pengukuhan
l.	Mudah kendalikan aktiviti
m.	Boleh mengawal kelas
n.	Membimbing murid yang lemah
o.	Mengubah aktiviti mengikut kesesuaian

Graf 2 menunjukkan bahawa 100% responden sentiasa bersedia dengan rancangan pengajaran harian, boleh membimbing aktiviti kumpulan dengan baik dan boleh melibatkan semua murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini menunjukkan responden merasakan perlu mereka bersedia untuk dipantau dan faham hal ini merupakan perkara yang sangat penting mereka lakukan semasa menjalani latihan praktikum di kelas prasekolah. Sebanyak 90.5% bersedia dengan slot mengajar yang lengkap dan tahu bahawa bahan bantu mengajar perlu memudahkan pemahaman murid. Dapatan kajian hampir dengan pendapat Rafei Hj Mahat (2001).

Sebanyak 85.7% responden sentiasa menyediakan BBMnya sendiri dan faham slot refleksi yang diajar boleh menggambarkan objektif hari itu dapat dicapai. Sebanyak 76.2% responden sentiasa boleh mengaitkan pelajaran yang diajar dengan pelajaran yang lepas dan boleh menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan masa yang mencukupi mengikut dalam perancangan. Ini selaras dengan prinsip pengajaran kanak-kanak yang dinyatakan oleh Meadows dan Cashdan (1988).

Responden juga boleh mencari idea yang lebih kreatif bagi membuat set induksi itu menarik perhatian murid. Dapatan mendapati sebanyak 15 orang responden (71.4%) sentiasa menjadikan set induksi itu boleh menarik perhatian murid kepada pelajaran yang hendak diajar pada slot tersebut. Peratus yang sama juga mendapati responden sentiasa bersedia dengan aktiviti pengukuhan jika diperlukan. Ini bermakna mereka amat menitikberatkan pengajarannya supaya lebih bermakna dan murid mendapat pemahaman yang lebih. Dapatan ini akan dapat membantu kepada kecemerlangan pendidikan prasekolah jika guru mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap keperluan aktiviti pengukuhan dalam kelas prasekolah. Ini bersesuaian dengan pernyataan oleh Rahimah (1996).

Namun begitu hanya 66.7% sahaja atau seramai 15 responden merasakan mereka sentiasa rasa mudah untuk kendalikan aktiviti dan boleh mengawal kelas dengan baik. Keadaan ini mungkin disebabkan kekurangan pengalaman mereka mengajar dan boleh mengurus masalah tingkah laku murid di prasekolah. Ini telah dinyatakan oleh Rohaty (1996) dan Laurie dan rakan-rakan (2001).


Hasil dapatan kajian ini juga mendapati hanya 13 orang sahaja responden yang sentiasa membimbing murid yang lemah. Manakala selebihnya jarang-jarang melakukannya. Ini kemungkinan disebabkan mereka kurang berpengalaman dan berkemahiran untuk membimbing murid yang lemah. Hasil kajian ini hampir menyamai dengan pandangan yang dikemukakan oleh Shahizan Hasan dan Ahmad Shahabudin Che Noh (2005) menyatakan guru perlu mempunyai kemahiran ketika memberikan perhatian kepada kanak-kanak.

Peratusan terendah iaitu sebanyak 28.6% atau hanya enam responden sahaja yang sentiasa bersedia untuk mengubah aktiviti mengikut kesesuaian seperti masalah minat murid berubah terhadap pembelajaran, keadaan cuaca yang tidak mengizinkan untuk main di luar kelas dan sebagainya. Hal ini berlaku kemungkinan berlaku disebabkan oleh responden merasakan sudah terlalu terbeban dengan persediaan untuk P&P dan juga BBM yang banyak. Ini bersesuaian dengan pernyataan bahawa kurikulum prasekolah harus lebih fleksibel mengikut kesesuaian mood murid pada hari tersebut

seperti yang dinyatakan oleh Kasnani Abd Karim, Ramlah Jantan, Akmal Hisyam Arshad dan Siti Norsyafika Kamarudin (2006).

### 3. Hubungan dengan murid prasekolah

Bagi aspek hubungan dengan murid, dapatan seperti mana dalam graf 3 menunjukkan majoriti responden mempunyai hubungan yang baik dengan murid.



(n = 21orang)

Graf 3. Hubungan Dengan Murid Prasekolah

Jadual 3. Petunjuk Kepada Hubungan Dengan Murid Prasekolah

Item	Konstruk
a.	Bercakap dengan bahasa yang mudah
b.	Menegur tingkah laku murid
c.	Mudah mesra dan penyayang
d.	Menjadi model kepada murid
e.	Bercakap dengan intonasi yang sesuai
f.	Memberi ganjaran atau pujian
g.	Tegas dalam P&P
h.	Prihatin dengan murid yang bermasalah
i.	Duduk searas murid
j.	Menyebut nama setiap murid
k.	Berkomunikasi menggunakan Bahasa melayu dan Bahasa Inggeris
l.	Menggunakan hukuman dan dendaan

Mereka mudah mesra dan penyayang (95.2%), prihatin dengan masalah murid (81%), 61.9% sentiasa menyebut nama setiap murid dan 76.2% duduk searas dengan murid. Dapatan kajian ini amat memberangsangkan kerana ini menunjukkan responden memahami dan menghayati atribut-atribut yang perlu mereka aplikasikan agar dapat merangsang hubungan yang baik dengan murid. Menurut Rohaty (2003), guru prasekolah bertanggungjawab terhadap perasaan dan keperluan kanak-kanak. Ini menghendaki setiap guru untuk mempunyai sifat mesra dan penyayang terhadap kanak-kanak. Pendekatan ini membolehkan guru menjadi lebih peka dengan masalah dan keperluan murid kerana murid lebih mempercayai orang yang mesra dengannya. Dopyera & Dopyera (1997) menyatakan bahawa untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak secara efektif, guru perlu berada searas dengan kanak-kanak. Ini adalah untuk memastikan guru dan murid mempunyai hubungan mata (eye contact) kerana di dalam komunikasi, kanak-kanak lebih memahami mesej bahasa badan dari mesej secara verbal. Ini juga membolehkan guru memberi sepenuh perhatian kepada murid tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan 85.7% responden sentiasa tegas di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan 100% sentiasa menegur tingkah laku murid. 90.5% responden sentiasa memberi ganjaran kepada murid berbanding hanya 28.6% responden yang sentiasa menggunakan dendaan. Ketegasan guru semasa melaksanakan proses p&p adalah penting dalam memastikan perancangan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkualiti. Selain itu, dengan menegur tingkah laku murid, guru dapat membimbing mengukuhkan disiplin murid. Disiplin dengan cara yang bersesuaian perlu ditekankan kepada murid prasekolah kerana selain menyumbang kepada pengurusan kelas yang efektif, juga membantu pembentukan sahsiah murid (Dopyera & Dopyera 1997). Sememangnya di prasekolah penggunaan ganjaran dan bukannya hukuman perlu diketengahkan kerana mengikut teori Behavioris pembentukan tingkah laku kanak-kanak banyak bergantung kepada unsur motivasi (Thomas 1992). Namun guru perlu pandai menggunakan kedua-dua motivasi instrinsik dan ekstrinsik mengikut keperluan dan kesesuaian semasa.

Dalam aspek penggunaan bahasa, didapati walaupun kesemua responden menggunakan bahasa yang mudah (100%) dan intonasi yang sesuai (90.5%), hanya 33.3% (tujuh orang) sentiasa menggunakan BM dan BI dalam interaksi bersama pelajar. Bahasa yang mudah dan intonasi yang bersesuaian perlu dalam interaksi dengan kanak-kanak. Ini dapat memudahkan pemahaman kanak-kanak akan mesej yang disampaikan (Zulkifli, 2007). Namun guru perlu kerap menggunakan kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di dalam interaksi. Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia mempunyai kepentingannya tersendiri. Dengan itu, guru perlu membiasakan murid mereka dengan bahasa tersebut kerana dengan cara ini pemerolehan bahasa akan menjadi lebih mudah. Tambahan pula sukatan pelajaran sekolah rendah yang menggunakan bahasa Inggeris dalam tiga subjek iaitu Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, menjadikan penggunaan Bahasa Inggeris di prasekolah perlu dipertingkatkan. Ini juga bersesuaian dengan matlamat Prasekolah untuk menyediakan kanak-kanak dengan kemahiran asas sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah (KPM, 2003).

Secara keseluruhan didapati responden menjaga hubungan baik dengan murid prasekolah . Namun begitu masih ada aspek yang perlu dipertingkatkan seperti penggunaan bahasa Inggeris dalam interaksi dengan murid.

#### **4. Tugas dalam aspek keselamatan dan kebersihan**

Aspek keselamatan dan kebersihan di prasekolah tidak boleh dipandang remeh. Prasekolah perlu menjadi tempat yang bersih dan selamat bagi kanak-kanak agar proses P&P boleh berjalan dengan lancar. Apatah lagi kanak-kanak sememangnya mudah dan sering ditimpa kemalangan kerana tidak berapa peka pada benda-benda yang berbahaya di sekeliling mereka. Justeru itu adalah menjadi tugas guru untuk memastikan aspek-aspek ini sentiasa berada di tahap yang baik .


Seperti terkandung di dalam graf 4, dapatan kajian menunjukkan dari segi keselamatan, majoriti responden sentiasa memeriksa kelas setiap hari (66.7%), memastikan kelas tersusun sebelum balik (95.2%), meminta murid menyimpan peralatan (100%), memeriksa keselamatan alat permainan luar (66.7%) dan bersama murid semasa permainan bebas (100%) . Dapatan ini memperlihatkan bahawa responden menjalankan tanggungjawab dari segi keselamatan seperti yang sewajarnya sebagaimana langkah-langkah keselamatan dan peringatan yang dikemukakan oleh Saayah et. al. (2005).

Namun hanya 42.9% (sembilan orang) responden memastikan pintu pagar berkunci semasa P&P. Ini sepatutnya tidak berlaku kerana ia boleh mengundang keadaan yang membahayakan murid seperti penculikan ataupun murid keluar tanpa pengetahuan guru. Walaubagaimanapun pengkaji sedar, kemungkinan perkara ini terjadi disebabkan responden bergantung kepada guru pembimbing dan pembantu prasekolah untuk menjalankan tugas ini.

Sebanyak 61.9% responden didapati sentiasa menghantar murid kepada ibu bapa yang menunggu di pintu pagar semasa waktu pulang. Ini merupakan satu amalan yang perlu dilaksanakan oleh semua guru untuk memastikan murid balik dengan penjaga yang betul. Selain itu, masa ini juga sepatutnya digunakan oleh guru untuk berinteraksi dengan ibu bapa.

Aspek kebersihan pula memperlihatkan responden sentiasa memeriksa kebersihan murid (71.4%) dan memastikan murid menggosok gigi (61.9%). Bagi pernyataan tabiat membasuh tangan selepas sesuatu aktiviti , didapati 52.4% (11) orang responden tidak berbuat demikian. Dapatan ini menunjukkan responden ada menjalankan tugas dalam menjaga kebersihan asas murid tetapi masih ada beberapa penekanan rutin ini dijalankan seperti penjagaan kebersihan tangan. Ini bersesuaian dengan saranan Zurida Ismail et.al (2006).

Kesimpulannya didapati responden sedar akan tugas mereka dalam aspek keselamatan dan kebersihan murid prasekolah. Namun terdapat beberapa perkara tertentu yang perlu lebih diberi perhatian dan penekanan dalam penjagaan mahupun pemantauan dari aspek ini oleh responden.



n = 21orang

Graf 4. Tugas dalam aspek keselamatan dan kebersihan

Jadual 4. Petunjuk Kepada Tugas Keselamatan dan Kebersihan

Item	Konstruk
a.	Meminta murid menyimpan peralatan di tempatnya semula
b.	Bersama murid semasa slot permainan bebas
c.	Memastikan kelas tersusun sebelum balik
d.	Memeriksa kebersihan murid
e.	Memeriksa setiap hari
f.	Memeriksa keselamatan alat permainan luar
g.	Memastikan murid menggosok gigi
h.	Menghantar murid semasa pulang
i.	Memastikan pintu pagar dikunci semasa P&P berjalan
j.	Membasuh tangan selepas menjalankan aktiviti

### Implikasi dan Cadangan

Latihan semasa praktikum harus dilihat sebagai satu medium bagi pelajar mempraktikkan pelajaran yang telah mereka terima di bilik kuliah. Maka mereka harus menggunakan semaksima mungkin keupayaan untuk memahami dan mempraktikkan teknik dan strategi yang berkesan untuk mengurus P&P di kelas prasekolah termasuk pengamalan rutin murid dengan bimbingan guru dan pensyarah pembimbing. Maka dengan itu dicadangkan beberapa cadangan penambahbaikan bagi pelaksanaan amalan semasa pelajar berpraktikum seperti cadangan yang berikut :

1. Pelajar perlu menggunakan latihan praktikum untuk memerhati, mencuba dan belajar dari guru pembimbing pendekatan, kaedah dan teknik untuk merancang, mengurus dan melaksana kelas prasekolah dan tidak terhad kepada proses P&P di dalam kelas sahaja.
2. Hubungan yang baik dengan ibu bapa menyumbang kepada pengurusan prasekolah yang berkesan. Oleh itu pelajar yang sedang menjalani praktikum sewajarnya menggunakan semua peluang yang ada untuk mempraktikkan segala input yang telah dipelajari dengan baik terutamanya semasa menyambut kedatangan murid dan skil berkomunikasi berkesan dengan ibu bapa.
3. Penggunaan Bahasa Inggeris dalam interaksi dengan kanak-kanak perlu ditingkatkan memandangkan tiga subjek di sekolah rendah dikendalikan dalam bahasa tersebut. Ini sebagai satu langkah permulaan bagi murid menguasai kemahiran asas bahasa tersebut sebelum memasuki sistem persekolahan formal. Oleh kerana itu juga, guru prasekolah perlu mengambil langkah proaktif untuk menguasai bahasa Inggeris seterusnya menggunakannya dalam P&P prasekolah supaya murid lebih bersedia untuk menghadapi cabaran tersebut apabila melangkah ke Tahun Satu. Dalam hal ini juga mungkin sudah tiba masanya kurikulum prasekolah disemak bagi memastikan kesesuaiannya dengan keperluan Sistem Pendidikan Kebangsaan.
4. Pelajar KPLI terdiri dari pelbagai latar pendidikan di tahap Ijazah Pertama. Mereka memerlukan bimbingan yang komprehensif untuk memahami bidang prasekolah dalam masa kurang setahun dan ini dirasakan masa yang diberi agak kurang mencukupi untuk melatih mereka menjadi guru prasekolah yang baik. Peranan pensyarah dalam membimbing mereka perlu ditingkatkan terutamanya dalam memberi pemahaman yang jelas tentang rasional dan kepentingan sesuatu tugas yang perlu dilakukan dan juga dalam memberi pelbagai kemahiran mengendalikan kelas prasekolah dengan baik sebelum mereka mula berkhidmat.
5. Guru pembimbing di prasekolah sepatutnya lebih berperanan dalam membimbing para pelajar praktikum bukan sahaja dalam pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran tetapi juga cara mengurus hal-hal lain seperti aspek penjagaan keselamatan, kebersihan dan kesihatan, pengurusan ruang, rekod dan penilaian murid. Pelajar perlu dibimbing dalam menjalankan peranan sebagai pembentuk sahsiah dan personaliti murid prasekolah. Melalui tunjuk ajar, para pelajar harus menyedari bahawa tugas mereka sangat luas dan bukan hanya mengajar tetapi juga membimbing murid ke arah keseimbangan perkembangan yang menyeluruh. Mereka perlu sedar kejayaan dan imej pusat prasekolah mereka kelak adalah kejayaan dan imej diri mereka kerana guru prasekolah akan berperanan penuh dalam mengurus pusat prasekolah mereka.
6. Masa latihan bagi pelajar KPLI Prasekolah seharusnya ditambah kerana ilmu dan kemahiran dalam bidang ini memang agak berat untuk dikuasai dalam jangka masa setahun. Ini juga disebabkan banyak aspek lain di dalam pengajaran di prasekolah harus mereka kuasai sebelum mereka berkhidmat ke sekolah. Ini terbukti bila dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar lebih menitikberatkan tugas semasa pengajaran dan pembelajaran sahaja sedangkan banyak perkara lain yang perlu dikuasai dan perlu dijalankan secara seimbang di kelas prasekolah. Oleh itu adalah

dikhawatiri mereka ini tidak dapat menjalankan tugas dengan lebih efektif apabila mereka berkhidmat kelak terutama dalam hal pengurusan dan pengendalian kelas dengan baik.

7. Dapatan kajian yang menunjukkan pelajar lebih menekankan peranan dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran dilihat sebagai sikap pelajar yang kurang peka terhadap matlamat mereka menjalani praktikum. Dalam hal ini, salah pemahaman mereka yang mementingkan pemarkahan penilaian praktikum amat mengecewakan. Mereka tahu bahawa pensyarah penyelia akan datang hanya untuk melihat cara mereka mengajar menjadikan banyak masa mereka dihabiskan bagi perancangan untuk pengajaran dan pembelajaran sahaja. Sedangkan untuk mengendalikan kelas prasekolah bukan terhenti setakat boleh mengajar tetapi banyak input dari ilmu dan kemahiran serta sikap sendiri perlu lebih dikuasai dengan bimbingan guru di situasi kelas prasekolah yang sebenar. Oleh itu pensyarah seharusnya memberi pemahaman yang sangat jelas dengan sistem pemarkahan yang lebih terbuka dengan melihat pelbagai aspek kemahiran serta individu pelajar itu sendiri.

Kesimpulannya, banyak aspek yang perlu diperkembangkan bagi meningkatkan kemahiran pengajaran guru untuk lebih berkesan. Jangankan nanti para pelajar KPLI yang keluar mengajar masih lagi termangu dan tercari-cari kaedah yang berkesan cara mengurus kelas prasekolah yang sesuai dengan lokasi prasekolah di mana mereka mengajar. Pengubahsuaian yang jitu perlu dilakukan terutama bukan sahaja setakat ilmu pedagogi secara teori sahaja dikuasai dengan baik tetapi para pelajar juga perlu bijak mengaplikasikannya di kelas prasekolah secara praktikalnya dengan berkesan. Oleh itu beberapa langkah alternatif perlu difikirkan bersama bagi memantapkan sistem latihan praktikum pelajar perguruan supaya lebih mantap dan mudah dikuasai oleh mereka.

### **Penutup**

Latihan praktikum menyediakan banyak ruang untuk pelajar KPLI menimba ilmu tentang perancangan, pengurusan dan pelaksanaan kelas prasekolah. Namun didapati pelajar KPLI lebih menumpukan perhatian kepada ilmu dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas disebabkan pelaksanaan di kelas adalah perkara yang diselia yang akan menentukan markah praktikum mereka. Pelajar KPLI perlu melihat latihan praktikum dalam konteks yang lebih luas supaya mereka akan berupaya menimba ilmu yang diperlukan dalam menjalankan tugas sebagai guru prasekolah kelak. Para pensyarah pula perlu meningkatkan bimbingan kepada pelajar KPLI kerana untuk menjadi guru prasekolah, pelajar perlu berilmu dan berkemahiran tinggi terutama dalam mengurus prasekolah sebagai satu organisasi yang lengkap yang bukan hanya bertumpu kepada proses pengajaran dan pembelajaran di kelas.

### **Rujukan**

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia.(1984). Laporan Kajian Gaya Tadika Malaysia Masa kini.  
Dopyera, M. L. & Dopyera, J. (1997). *Becoming a teacher of young children*. United States : McGraw Hill Book Co.

- Kasnani Ab Karim, Norbe Md. Nor & Nazimah Abdullah.(2005). Perkembangan Pendidikan Prasekolah untuk Kursus Persediaan dan KPLI (Pendidikan Awal Kanak-kanak). Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kasnani Ab. Karim, Ramlah Jantan, Ahmad Hisham Arshad & Siti Norsyafika Kamaruddin. (2006). Perkembangan pendidikan prasekolah. Subang Jaya : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2003). Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Lihanna Borhan .(2005). Ke arah pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti. Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan. Ed. Suffian Hussin et. al. Bentong : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Meadows, Sara. & Cashdan, Asher. (1988). Helping children learn. Contribution to a cognitif kurikulum. London : David Fulton Publishers.
- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che lah. 2003. Panduan pendidikan prasekolah. Gombak : PTS publications.
- Norizah Taib et al. (2007). Penilaian Praktikum Kursus Perguruan Lepas Ijazah (M) Institut Pendidikan Guru Zon Selatan. Jilid 3, 2007. Jurnal Penyelidikan pendidikan Guru. Putrajaya : Bahagian Pendidikan Guru.
- Putri Zabariah, Bustam Kamri & Raja Hamizah.(2006). Pengurusan Tadika Cemerlang. Bentong : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Rahimah Hj. Ahmad et al. (1996). Peningkatan muutu pendidikan prasekolah di Malaysia. Konsep dan strategi. Pulau Pinang : Seminar Kebangsaan Pendidikan Prasekolah .
- Rohaty Mohd Majzub.2003. Pendidikan Prasekolah. Cabaran Kualiti. Bangi : Penerbit UKM.
- Saayah Abu, Surayah Zaidon & Siti Saleha Samsuri. (2006). Panduan untuk pengusaha tadika. Bentong : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Shahizan Hassan & Ahmad Shahabudin Che Noh. (2005). Panduan merancang aktiviti prasekolah. Bentong : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Siti Saleha Samsuri. (2004) Kajian faktor keutamaan pemilihan pusat prasekolah oleh ibu bapa. Satu kajian di kawasan Puchong, Selangor.
- Thomas, R. M. (1992). Comparing theories of child development. California : Wadsworth Publishing Company.
- Zulkifly Yaakob. (2007). Modul PISMP-OUM. Perkembangan bahasa kanak-kanak. Seri Kembangan : Meteor Doc. Sdn. Bhd.
- Zurida Ismail, Sharifah Norhaidah Syed Idros dan Maznah Ali. (2006). Pendidikan Sains Prasekolah. Bentong : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.